

Ekonomi negara tidak seteruk 1997/98

Oleh **NUR NAZLINA NADZARI**

ekonomi@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 17 SEPT.**

KEADAAN ekonomi negara ketika ini tidaklah seteruk seperti yang dihadapi negara semasa krisis ekonomi Asia pada 1997/1998.

Pensyarah Kanan Pengurusan Perniagaan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Melaka, Syed Mazlan Syed Mat Dom berkata, gambaran yang tidak betul mengenai situasi sebenar ekonomi oleh pihak-pihak yang mempunyai motif tersendiri merupakan punca kepada kerisauan dalam kalangan rakyat.

Sehubungan itu katanya, kerajaan harus membuat penjelasan

yang lebih kerap mengenai ekonomi negara dan bertindak balas dengan segera apabila terdapat maklumat yang tidak betul dalam media alternatif supaya rakyat tidak mudah tertipu.

“Keadaan ekonomi negara kelihatan buruk ketika ini kerana digambarkan dengan teruk di dalam media-media alternatif. Tetapi sebenarnya keadaan ekonomi ketika ini tidak seteruk pada 1997/1998 apabila pelajar-pelajar yang sepatutnya melanjutkan pengajian ke luar negara dipanggil balik.

“Saya yakin Malaysia mempunyai asas yang kukuh untuk bangkit kembali dan apa yang diperlukan ketika ini adalah komunikasi daripada kerajaan terutamanya kepada pelabur asing dan meyakinkan ke-

pada mereka yang keadaan ekonomi kita masih baik tidak seperti yang digembar-gemburkan oleh media alternatif,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini bagi mengulas kenyataan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Zeti Akhtar Aziz dalam laporan sebuah akhbar berbahasa Inggeris yang mengatakan negara ini tidak menuju kepada krisis kewangan.

Zeti memberitahu, Malaysia mempunyai asas ekonomi yang kukuh untuk bangkit kembali seperti yang dilakukan sebelum ini dan rakyat harus menerima bahawa ekonomi negara tidak akan sentiasa berada dalam keadaan yang baik sentiasa.